



Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim dapat menyediakan Laporan Tahunan 2005. Laporan yang disediakan ini adalah selaras dengan kehendak Seksyen 17 Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959. Ianya sebagai sumber rujukan mengenai aktiviti-aktiviti Suruhanjaya yang berjalan sepanjang tahun 2005

Mengambil kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim dan semua pihak yang terlibat di atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim. Saya yakin dengan adanya kerjasama yang sedemikian rupa maka Suruhanjaya ini dapat meneruskan perkhidmatannya dimasa-masa yang akan datang dengan lebih cekap, cepat dan berkesan.

Saya selaku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan semua ahli serta anggota pentadbiran Suruhanjaya ini turut merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor di atas kepercayaan serta perhatian Baginda Tuanku yang mendalam terhadap Suruhanjaya ini.

Sekian, salam hormat dari saya,

DATO' IR. HAJI MOHD. DOM BIN SENTAHU

Pengerusi

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Johor

Piagam Pelanggan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Negeri Johor Darul Ta'zim


Tahun 2005

Kami Kakitangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim berikrar menjalankan tugas dengan penuh amanah, bertanggungjawab dan memberi komitmen dalam urusan berikut:

1. Memberi peluang yang adil dan saksama kepada semua pihak yang berkeelayakan memohon jawatan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Johor.
2. Menyelesaikan urusan pelantikan anggota perkhidmatan awam negeri Johor dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh akhir temuduga setiap jawatan.
3. Menyelesaikan urusan perkhidmatan anggota perkhidmatan awam negeri Johor sebagaimana tempoh masa berikut:
 - 3.1. Pengesahan Lantikan : 2 minggu
 - 3.2. Pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen : 6 minggu
 - 3.3. Permohonan Perlanjutan tempoh percubaan : 6 minggu
 - 3.4. Permohonan pelarasan gaji permulaan : 6 minggu
 - 3.5. Permohonan pertukaran perkhidmatan : 3 bulan
 - 3.6. Permohonan rayuan tatatertib : 6 minggu
 - 3.7. Permohonan rayuan kenaikan pangkat : 6 minggu

Carta Organisasi

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2005





**Pengerusi dan Ahli-Ahli
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
Tahun 2005**



Berdiri dari kiri:

Tuan Syed Ahmad Bin Abdullah, Tuan Haji Fadzil Bin Mohd. Noor, Tuan Haji Ramlee Bin A. Rahman (Setiausaha), Y.B. Dato' Ir Haji Mohd. Dom Bin Sentanu (Pengerusi), Tuan Haji A. Bakar Bin Arshat dan Y.B. Dato' Leong Hing Nin



**Pegawai dan Kakitangan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
Tahun 2005**



Berdiri Dari Kiri (Belakang):

Cik Hajah Hamidah Binti A. Bakar, Cik Faridah Bin ti Abu Bakar, Puan Samsiah Binti Idrus, Puan Asnah Binti Kasimon

Berdiri dari Kiri (Hadapan):

Encik Jamaluddin Bin Ahmad, Encik Md. Esa Bin Baharom, Tuan Haji Ramlee Bin A. Rahman (Setiausaha), Encik Zulkifli Bin Abdul Fatah

LAPORAN TAHUNAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2005

1. Pendahuluan

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2005 disediakan sebagaimana mematuhi kehendak Seksyen 17 Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959. Laporan ini adalah keluaran yang ke 43 sejak Suruhanjaya ini ditubuhkan.

2. Fungsi

Mengikut seksyen 11 (1) Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959, Suruhanjaya bertanggungjawab melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam jawatan tetap atau ke jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas setiap anggota perkhidmatan awam Negeri.

3. Keanggotaan Ahli-Ahli Suruhanjaya

Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2005 adalah seperti berikut:

3.1. Pengerusi

Y.B. Dato' Ir. Haji Mohd. Dom Bin Sentanu DPMJ., SMJ., DSN., PPT., FIEM., P. Eng.

3.2. Ahli-Ahli:

Y.B. Dato' Leong Hing Nin PIS., PPT., BKT., PJK.

Tuan Haji A. Bakar Bin Arshat PIS., AMN., KMN.

Tuan Haji Fadzil Bin Mohd. Noor PLP., PIS II.

Tuan Haji Syed Ahmad Bin Abdullah SMJ.

4. Keanggotaan Urusetia Suruhanjaya:

Keanggotaan Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim adalah seperti berikut:

Setiausaha Gred N41

Tuan Haji Ramlee Bin A.Rahman

Penolong Pegawai Tadbir (Peg. Eksekutif) Gred N27

Hajah Hamidah Bte A. Bakar

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Encik Md. Esa Bin Baharom

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Puan Asnah Bte Kasimon

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Encik Zulkifli Bin Abd. Fatah

Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11

Cik Faridah Binti Abu Bakar

Puan Samsiah Binti Idrus

Pembantu Am Rendah Gred N1

Encik Jamaluddin Bin Ahmad

5. Peruntukan Kewangan

Peruntukan dan Perbelanjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2005 adalah seperti berikut:

Tanggungan (T.02)

Objektif Am	Peruntukan	Perbelanjaan	% Perbelanjaan
Emolumen	169,000.00	165,650.00	98.01
Perkhidmatan & Bekalan	194,000.00	168,040.01	86.61
Jumlah	363,000.00	333,690.01	91.92

Bekalan (B.01)

Objektif Am	Peruntukan	Perbelanjaan	% Perbelanjaan
Emolumen	175,500.00	169,890.72	96.80
Perkhidmatan & Bekalan	154,000.00	149,125.38	96.83
Pemilikan asset	11,000.00	5,100.00	46.36
Jumlah	363,000.00	324,116.10	95.32

6. Aktiviti-Aktiviti Suruhanjaya

Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2005 seperti berikut:

6.1. Mesyuarat dan Temuduga

Mesyuarat Bulanan/Pengesahan	:	12 kali
Mesyuarat Pelantikan	:	5 kali
Mesyuarat Khas/Tapisan	:	4 kali
Mesyuarat Rayuan Kenaikan Pangkat	:	2 kali
Mesyuarat Rayuan Tatatertib	:	1 kali
Temuduga Jawatan Kosong	:	124 kali
Temuduga Pelanjutan Tempoh Percubaan	:	7 kali

6.2. Urusan Pelantikan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim telah menerima dan memproses sebanyak 10,086 permohonan untuk mengisi 15 jenis jawatan kosong disepanjang tahun 2005. Seramai 1,554 calon telah dipanggil temuduga dan seramai 276 telah berjaya dilantik bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan tersebut seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Jumlah Mohon	Panggil T/duga	Jumlah Lantikan
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional			
1.	Kurator (S41)	186	23	-
	Kumpulan Sokongan			
1.	Peg. Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (DGA29)	719	422	116
2.	Pembantu Teknik (J29)	862	153	14
3.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) (N27)	153	16	10
4.	Pembantu Tadbir (Kewangan) (W17)	1636	343	33
5.	Penolong Pegawai Tanah (NT17)	668	136	10
6.	Pembantu Pertanian (G17)	243	23	1
7.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S27)	184	37	2
8.	Juruteknik (J17)	1104	97	35
9.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (N17)	1254	31	6
10.	Pembantu Tadbir (Penyelenggara Stor) (N17)	883	92	6
11.	Pembantu Hal Ehwal Islam (S17)	573	49	3
12.	Pengawas Hutan (G11)	496	35	12
13.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) (N11)	880	56	15
14.	Pembantu Am Rendah (Tukang Masak) (N1)	245	41	2
	Jumlah	10,086	1,554	276

6.3. Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Pada tahun 2005 seramai 73 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah disahkan dalam perkhidmatan setelah mendapat perakuan Ketua Jabatan, lulus peperiksaan yang disyaratkan dan lulus dengan jayanya Kursus Induksi. Jawatan-jawatan dimaksudkan seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Peg. Perkhidmatan Pendidikan Siswazah	DG41	5
2.	Peg. Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DGA 27	10
3.	Penolong Pegawai Tadbir (Pegawai Eksekutif)	N27	1
4.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S27	1
5.	Pembantu Akauntan	W17	1
6.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	3
7.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	2
8.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	5
9.	Juruteknik	J17	7
10.	Juruaudio Visual	N17	1
11.	Pembantu Pertanian	G17	4
12.	Pembantu Pembangunan Masyarakat	S17	5
13.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	2
14.	Pembantu Veterinar	G17	4
15.	Pembantu Tadbir Rendah (Bailif)	N11	2
16.	Operator Mesin Prosesan Data	F11	4
17.	Pengawas Hutan	G11	5
18.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam	S11	1
19.	Penghantar Notis	N3	3
20.	Pembantu Am Rendah	N1	7
Jumlah			73

6.4. Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen:

Seramai 65 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diluluskan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen setelah mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan, lulus peperiksaan yang disyaratkan atau dikecualikan daripada menduduki peperiksaan, lulus dengan jayanya Kursus Induksi serta membuat opsyen memilih skim berpencen, Jawatan-jawatan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Pegawai Syariah	LS41	1
2.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma	DGA29	2
3.	Penolong Akauntan	W27	1
4.	Pembantu Teknik	J29	5
5.	Penolong Pegawai Pertanian	G27	21
6.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DG27	12
7.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	2
8.	Juruteknik	J17	11
9.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	3
10.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N17	1
11.	Pembantu Tadbir Rendah (Pengawas Bangunan)	N11	1
12.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	2
13.	Pembantu Veterinar	G17	1
14.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam	S11	6
15.	Pengawas Hutan	G11	2
16.	Pembantu Tadbir Rendah (Pengawas Tanah Kubur)	N11	1
17.	Operator Mesin Prosesan Data	F11	2
18.	Pembantu Am Rendah	N1	10
19.	Penghantar Notis	N3	1
Jumlah			65

6.5. Pemberian Taraf Berpencen:

Seramai 192 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diberi taraf berpencen setelah genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan membuat opsyen bagi memilih skim pencen seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Pegawai Tadbir Negeri	N41	2
2.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma	DGA29	137
3.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	N27	1
4.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DG27	1
5.	Juruteknik	J17	6
6.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N17	11
7.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	3
8.	Pembantu Pertanian	G17	4
9.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DG17	6
10.	Pembantu Kewangan	W17	1
11.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	5
12.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam	S11	1
13.	Pengawas Hutan	G11	1
14.	Pembantu Am Rendah	N1	13
Jumlah			192

6.6. Rayuan Lanjut Tempoh Percubaan:

Seramai 27 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan kerana gagal dalam peperiksaan atau gagal diperakukan oleh Ketua Jabatan. Anggota yang dimaksudkan terdiri seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Penolong Pegawai Tanah	NT31	1
2.	Pembantu Teknik	J29	1
3.	Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DG27	1
4.	Penolong Pegawai Veterinar	G27	1
5.	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan	C27	1
6.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	1
7.	Juruteknik	J17	7
8.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	1
9.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	3
10.	Pembantu Makmal	G11	2
11.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	1
12.	Pengawas Hutan	G11	3
13.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam	S11	4
Jumlah			27

6.7. Pelarasan Gaji Permulaan:

Dalam tahun 2005 seramai 64 orang pelbagai jawatan perkhidmatan awam Negeri Johor telah mengemukakan permohonan pelarasan gaji permulaan. Seramai 49 orang daripadanya telah diluluskan pelarasan gajinya manakala 15 permohonan telah ditolak seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Mohon	Lulus	Tolak
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma	DGA29	48	39	9
2.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	N27	3	3	-
3.	Penolong Pegawai Tadbir (Pegawai Eksekutif)	N27	1	1	-
4.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	1	1	-
5.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	2	-	2
6.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	2	2	-
7.	Pembantu Penerbitan	N17	1	-	1
8.	Pelukis Pelan	J17	1	-	1
9.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah	DG17	1	-	1
10.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	1	-	1
11.	Operator Mesin Prosesan Data	F11	2	2	-
12.	Pembantu Am Rendah	N1	1	1	-
Jumlah			64	49	15

6.8. Permohonan Pertukaran Perkhidmatan Dari Perkhidmatan Awam Persekutuan Ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor:

Seorang anggota perkhidmatan Awam Persekutuan berjawatan Pembantu Teknik Gred J29 telah diluluskan pertukaran ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Bil.	Jawatan	Gred	Lulus
1.	Pembantu Teknik	J29	1
Jumlah			1

6.9. Permohonan Pertukaran Perkhidmatan Dari Perkhidmatan Awam Negeri Johor Ke Perkhidmatan Awam Persekutuan Secara Pinjaman/Sementara:

Seramai 2 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor masing-masing berjawatan Pegawai Tadbir Negeri Gcred N41 dan Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian Operasi) Gred N22 telah diluluskan pertukaran perkhidmatan awam persekutuan secara pinjaman/semntara.

Bil.	Jawatan	Gred	Lulus
1.	Pegawai Tadbir	N41	1
2.	Pembantu Tadbir Kanan (P/O)	N22	1
	Jumlah		2

6.10. Rayuan Tindakan Tatatertib:

Sebanyak 5 kes rayuan tindakan tatatertib telah ditolak dan Lembaga Rayuan mengekalkan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Lembaga Tatatertib, manakala 1 kes rayuan telah dihantar balik untuk semakan semula. Maklumat kes sepertimana berikut:

Bi 1.	Jawatan	Gred	Bil. Kes	Hukuman
1.	Pekerja Rendah Pejabat	R1	2	Buang Kerja
2.	Pekerja Rendah Pejabat	R1	1	Amaran dan tangguh pergerakan gaji bagi tempoh 3 bulan
3.	Pekerja Rendah Pejabat	R1	1	Amaran & denda bersamaan 7 hari emolumen tidak hadir bertugas
4.	Pekerja Rendah Pejabat	R1	1	Amaran
5.	Pekerja Rendah Pejabat	R1	1	Buang Kerja – dihantar balik kepada Lembaga Tatatertib untuk semakan semula
	Jumlah		6	

7. Aktiviti-Aktiviti Lain

7.1. Lawatan Kerja Ke Mesir

Y.B. Pengerusi, Ahli-Ahli dan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah turut serta dalam rombongan Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim mengadakan lawatan kerja ke Mesir pada 13.02.2005 hingga 18.02.2005.



Majlis ramah mesra Y.A.B. Menteri Besar Johor dan rombongan bersama pelajar-pelajar Universiti Al-Azhar



Y.B. Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pengajian Tinggi Mesir

7.2. Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Y.B. Pengerusi dan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menghadiri Persidangan Ke 9 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di Marriott Hotel Putrajaya pada 25 hingga 28 Julai 2005.



Gambar Kenangan Pengerusi-Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam semasa Majlis Mengadap Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong

PENGHARGAAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
dan terima kasih kepada

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Ketua-Ketua Jabatan Negeri Johor dan
semua pihak yang terlibat

di atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan
sepanjang tahun 2005 bagi membolehkan Suruhanjaya ini
melaksanakan tugas dan tanggungjawab
dengan sempurna dan berkesan.

*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
JKR 35, Bukit Timbalan
80510 Johor Bahru
Tel: 07-2243652
Fax: 07-2234945
Web Site: www.johordt.gov.my/spaj*